



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENOLONG PENYUNTING (D.3 EB.4-5)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PENYUNTING
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang Ehwal Semasa / Kewartawanan / Komunikasi Massa / Media / *Media and Journalism* / Pengajian Brunei / Pengajian Media / *Public Affairs* / Teknologi Maklumat atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang-bidang lain dan berpengalaman bertugas secara tetap atau sambilan dalam media penyiaran tidak kurang dari 6 bulan.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

2. Dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (praktikal) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.

3. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

4. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa-Bahasa lain selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

5. Berkebolehan membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.



6. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan mengenai hal ehwal penyuntingan / hal ehwal kewartawanan / hal ehwal semasa / hal ehwal media penyiaran.
7. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang penyuntingan / kewartawanan / hal ehwal semasa / hal ehwal media penyiaran adalah kelebihan.
8. Mempunyai pengetahuan mengenai terasul dan penggunaan bahasa dalam adalah kelebihan.
9. Berkebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita dan hal ehwal semasa adalah kelebihan.
10. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam mengolah penyuntingan *audio* dan *video* adalah kelebihan.
11. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam menggunakan *Non-Linear Editing* dan perisian-perisian yang berkaitan seperti *Adobe Premier, Final Cut Pro, Edius* dan sebagainya adalah kelebihan.
12. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan.
13. Hendaklah mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik di samping boleh menjadi pembimbing atau mentor kepada pegawai / kakitangan di bawah jagaan.
14. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam hal ehwal penyuntingan termasuk dalam suasana tegang.
15. Peka terhadap perkembangan dan hal ehwal dalam negeri, serantau dan antarabangsa.
16. Memahami konsep Negara Melayu Islam Beraja (MIB).
17. Mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam.
18. Memahami misi dan dasar Jabatan dalam pembangunan negara.
19. Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Penyunting Bertugas (*Duty Editor*) dalam membantu semua kerja-kerja penerbitan berita radio dan berita televisyen termasuk rancangan-ancangan khas terbitan Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa;
2. Membuat dan menyediakan kerja-kerja penyuntingan ke atas laporan-laporan bagi berita radio dan berita televisyen;
3. Membuat dan menyediakan kerja-kerja penyuntingan ke atas skrip-skrip bagi rancangan hal ehwal semasa;
4. Membuat arahan penerbitan bagi berita televisyen di studio; dan
5. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.